

Guru cemerlang dipilih ‘Valedictorian’ bagi kursus diploma Kerja Sosial NUS

► **DAYANA AZMI**
dynazmi@sph.com.sg

Keputusan cemerlang dalam pengajian sambilan itu telah membawa pada Encik Yahya, 48 tahun, dipilih untuk menjadi Valedictorian bagi kohortnya pada majlis tamat pengajian yang diadakan di NUSS Kent Ridge Guild House pada Khamis.

Beliau tidak mempunyai hasrat beralih ke bidang kerja sosial sepenuh masa tetapi berasakan ilmu yang ditimba dapat menambah nilai pada tugasnya sebagai pendidik.

Beliau telah menjadi pendidik sekitar 20 tahun dan turut memiliki kelulusan Sarjana Sains daripada NUS. Ketika dihubungi *Berita Harian* (BH), Encik Yahya berkata:

“Bukannya mudah untuk mendaipat pencapaian sebegini terutamanya kerana saya harus mengimbangi masa belajar, bekerja dan meluangkan masa bersama keluarga,” katanya yang bersyukur isterinya, Cik Dayang Istiaisyah Hussin, 47 tahun, membantu menjaga dua anak mereka yang berusia 11 dan 12 tahun.

Encik Yahya menambah, kegetiran hidup yang pernah dilalui sebagai anak daripada keluarga kurang berna-sib baik, membantunya memahami cabaran emosi dan psikologi yang dihadapi pelajar senasib dengannya.

“Namun, dalam keadaan susah pun, Allahyarham ayah saya menjadi contoh baik untuk diteladani. Beliau bekerja tanpa jemu untuk memindahkan keluarga saya dari flat sewa ke flat milik kami sendiri pada tahun 1980an.

“Bantulah masyarakat yang memerlukan pertolongan tanpa mengharap balasan. Itulah kata-kata Allahyarham yang melekat dalam minda saya sehingga hari ini,” katanya.

Dedikasinya kepada usaha meningkatkan mutu pendidikan juga membuka ruang buatnya bertugas sebagai penyelidik di Makmal Pembelajaran Sains NIE pada 2015.


“Sebagai seorang guru yang mempunyai kemahiran kerja sosial, saya boleh lebih bersikap empati kepada pelajar dan ibu bapa mereka, serta be-

kerjasama dengan lebih berkesan dengan kaunselor sekolah untuk memberi sokongan yang sesuai bagi pelajar,” jelasnya.

Encik Yahya juga berbesar hati untuk berkongsi inisiatifnya dalam memperkenalkan sebuah teknik kerja sosial, teknik Temuduga Motivasi (MI), kepada guru-guru dalam Pasukan Jawatankuasa Pembelajaran Profesional di sekolah rendahnya pada 2019.

“Dengan teknik baru ini, guru-guru telah menerapkan amalan untuk membina hubungan yang lebih kuat dengan pelajar dan mencipta lingkungan di mana pelajar berasa dide-ngar dan didukung.

“Saya tidak bercadang untuk berhenti menimba ilmu mahupun usaha saya dalam membangun generasi anak Melayu yang berdaya upaya dan berkeyakinan diri. Saya berharap dapat mengambil satu lagi ijazah sarjana yang khusus dalam penyelidikan kerja sosial di sekolah serta meneroka isu kemiskinan dalam kalangan pelajar.”



VALEDICTORIAN KERJA SOSIAL: Encik Yahya Abdul Razak, 48 tahun, menamatkan pengajian di Universiti Nasional Singapura (NUS) dengan Diploma Siswazah dalam Kerja Sosial pada Khamis dan dipilih sebagai Valedictorian kerana keputusan cemerlang. – Foto BH oleh SHAFIQ APANDI